

27 APR 2002

Isa-Pembangunan

KERAJAAN NEGERI TIDAK DAPAT MEMBANGUN TANPA BANTUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Kerajaan-kerajaan negeri tidak berupaya melaksanakan pelbagai projek untuk membangunkan negeri dengan jayanya sekiranya tidak mendapat bantuan kewangan secukupnya daripada Kerajaan Persekutuan.

Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata walaupun sesebuah negeri mempunyai banyak hasil, ia masih tidak mencukupi untuk membiayai pelbagai program pembangunan tanpa bantuan kewangan dan teknikal dari kerajaan pusat.

Dengan itu, katanya rakyat harus faham bahawa Kerajaan Persekutuan dapat menyalur bantuan kewangan dengan lebih mudah sekiranya ia mempunyai hubungan kerjasama yang baik dengan pemimpin kerajaan negeri.

"Bagaimana hendak salur bantuan jika kerajaan Persekutuan tahu bahawa kerajaan negeri tertentu itu langsung tidak menyokong kerajaan dan sebaliknya sentiasa menghentam Kerajaan Pusat," katanya pada sidang media selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Umno bahagian Seputeh di Dewan Institut Latihan Perindustrian di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan sebuah akhbar semalam mengenai keputusan tinjauan pendapat menerusi laman web Kelab Umno yang meletakkan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat sebagai Menteri Besar yang paling gagal membangunkan negeri dan diikuti oleh Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Mohamed Isa, yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno, berkata Negeri Sembilan sendiri tidak akan mampu melaksanakan pelbagai program pembangunan dengan jayanya tanpa mendapat bantuan kerajaan pusat.

Beliau berkata rakyat harus sedar mengenai hakikat itu kerana apabila sesebuah negeri itu sudah ketinggalan dalam arus pembangunan sehingga berpuluh-puluh tahun lamanya, adalah sukar bagi negeri berkenaan untuk mengejar kemajuan agar setanding dengan negeri-negeri lain.

Beliau berkata rakyat juga harus sedar bahawa tiada pakatan parti-parti politik selain Barisan Nasional (BN) yang mempunyai kewibawaan untuk membangunkan negara pada masa ini.

Turut hadir pada majlis itu adalah Ketua bahagian Umno Seputeh Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, yang juga Setiausaha Kerja Umno.

Semasa ditanya mengenai calon Ketua Penerangan Umno, Tengku Adnan berkata ia merupakan hak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti.

Jawatan itu kosong selepas Datuk Mustapa Mohamed meletak jawatannya pada 12 April lepas untuk memberi lebih tumpuan kepada jawatannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

-- BERNAMA

AZH ZS NAK